



23 April 2014
23 April 2014
P.U. (B) 153

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN LEBUH RAYA SHAH ALAM
SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG
DITETAPKAN

*DECLARATION OF SHAH ALAM EXPRESSWAY
AS A DESIGNATED FEDERAL TERRITORY ROAD*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERISYTIHARAN LEBUH RAYA SHAH ALAM
SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

MENURUT takrif “jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan” di bawah seksyen 67 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Dato Bandar Kuala Lumpur, mengisytiharkan bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Shah Alam yang bermula dari kilometer 45.9 laluan utama di koordinat U339613.109, T406025.571 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 52.2 di koordinat U339306.470, T412146.115 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) termasuk Plaza Tol Awan Besar Timur, Persimpangan Bertingkat Awan Besar, Plaza Tol Awan Besar Barat, Persimpangan Bertingkat Awan Kecil, Persimpangan Bertingkat SUKOM dan Persimpangan Bertingkat Sri Petaling, iaitu suatu jarak sepanjang 6.3 kilometer sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan berkuat kuasa mulai 24 April 2014.

2. Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan itu ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.
3. Sebahagian jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan di bawah perenggan 1 telah diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Shah Alam) 1998 [*P.U. (A) 133/1998*].